



**MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS,
JOHOR DARUL TA'ZIM.**

DOKUMEN SEBUT HARGA

BIL : MDL/11/2024/BP.1/S

TAJUK :

**MENAIKTARAF TANDAS AWAM DI PUSAT REKREASI KOLAM
AIR PANAS, MD LABIS**

*HARGA TAWARAN : RM.....

BILANGAN : بر / خدمت

Disediakan oleh :

*KONTRAKTOR :

Bahagian Kejuruteraan
Majlis Daerah Labis
85300 Labis

GRED : G1 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : B24

*TEMPOH SIAP :MINGGU

Telefon : 07-9251781
Faks : 07-9251308

NOTA :
*DIISI OLEH KONTRAKTOR



**MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS,
JOHOR DARUL TA'ZIM.**

SENARAI SEMAKAN

1. Borang Tawaran Sebut Harga telah diisi, dicop syarikat dan ditandatangani
2. Jadual Kadar Harga/BQ telah diisi, dicop syarikat dan ditandatangani
3. Salinan Sijil SKK terbaru telah disertakan
4. Salinan Sijil SPKK terbaru telah disertakan
5. Salinan Sijil STB terbaru telah disertakan
- *6. Profail Syarikat hendaklah dikemukakan
- *7. Penyata Bank (Bank Statement) bagi 3 bulan (**Jun 2024, Julai 2024 & Ogos 2024 - Bagi Kerja G2 Ke Atas**) berturut-turut yang disahkan oleh pihak Bank (Asal) disertakan
8. Mengembalikan semua lampiran di dalam Dokumen Sebutharga ke Peti Tawaran

(tandakan pada butiran yang telah dilengkapkan)

Saya/Kami dengan ini mengakui segala butiran sebagaimana di atas telah disempurnakan dan sekiranya tidak lengkap, pihak pentadbiran berhak menolak tawaran tender ini.

Tandatangan :

Nama :

Cop Kontraktor

Alamat :

*Dokumen yang berkenaan hendaklah dilampirkan bersama dengan Borang Tender.

**SENARAI SEMAKAN
(KERJA)**

Sila tandakan / Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Salinan Sijil Kontraktor Kerja Dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Maklumat Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Profail Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Jun 2024, Julai 2024 & Ogos 2024 - Bagi Kerja G2 Ke Atas) yang disahkan oleh pihak Bank (Asal)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Lain-lain Sekiranya Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

1. KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA



MAJLIS DAERAH LABIS

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor - kontraktor BUMIPUTERA yang dinyatakan dan berdaftar dengan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) di bawah tajuk/kod bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BIL	RUJUKAN FAIL	JENIS KERJA & BILANGAN TAWARAN	GRED, KATEGORI, PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1.	MDL/PR/2330/SEN.7 (MYKIOSK)/2024	MEMBINA 5 UNIT KIOSK DI TAMAN INDUSTRI CHAAH, MD LABIS MDL/6/2024/BP.1/S	<u>GRED</u> G1 <u>KATEGORI</u> CE <u>PENGKHUSUSAN</u> CE21	RM 30.00
2.	MDL/PR/2331/SEN.7 (MYKIOSK)/2024	MEMBINA 5 UNIT KIOSK DI HADAPAN TERMINAL BAS & TEKSI CHAAH, MD LABIS MDL/7/2024/BP.1/S	<u>GRED</u> G1 <u>KATEGORI</u> CE <u>PENGKHUSUSAN</u> CE21	RM 30.00
3.	MDL/PR/2332/SEN.7 (MYKIOSK)/2024	MEMBINA 10 UNIT KIOSK DI TAMAN PERLING. LABIS (JALAN KEMUNING), MD LABIS MDL/8/2024/BP.1/S	<u>GRED</u> G2 <u>KATEGORI</u> CE <u>PENGKHUSUSAN</u> CE21	RM 50.00
4.	MDL/PR/2332/SEN.7 (MYKIOSK)/2024	MEMBINA 5 UNIT KIOSK DI DATARAN NIAGA TENANG STATION, MD LABIS MDL/9/2024/BP.1/S	<u>GRED</u> G1 <u>KATEGORI</u> CE <u>PENGKHUSUSAN</u> CE21	RM 30.00

BIL	RUJUKAN FAIL	JENIS KERJA & BILANGAN TAWARAN	GRED, KATEGORI, PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
5.	MDL/PR/2345/BP.1 (SEN.8)/2024	MEMBAIKPULIH TANDAS DATARAN MDL JALAN SEGAMAT, MD LABIS MDL/10/2024/BP.1/S	<u>GRED</u> <u>G1</u> <u>KATEGORI</u> <u>B</u> <u>PENGKHUSUSAN</u> <u>B24</u>	RM 30.00
6.	MDL/PR/2346/BP.1 (SEN.8)/2024	MENAIKTARAF TANDAS AWAM DI PUSAT REKREASI KOLAM AIR PANAS, MD LABIS MDL/11/2024/BP.1/S	<u>GRED</u> <u>G1</u> <u>KATEGORI</u> <u>B</u> <u>PENGKHUSUSAN</u> <u>B24</u>	RM 30.00

2. Dokumen tawaran boleh didapati mulai **08 SEPTEMBER 2024 (AHAD)** hingga **15 SEPTEMBER 2024 (AHAD)** pada hari dan waktu seperti berikut :

Hari	Waktu
Ahad hingga Khamis (Kecuali cuti umum)	8.00 pagi hingga 3.00 petang 1.00 tengahari – 2.00 petang (rehat)

di kaunter Pejabat Majlis Daerah Labis dengan nilai bayaran seperti di atas dalam bentuk draf bank/kiriman wang pos (money order)/wang kiriman pos berpaling (postal order) atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Labis. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh itu. Dokumen Sebutharga boleh didapati di laman web www.mdlabis.gov.my dan cetakan Dokumen Sebutharga akan dibuat sendiri oleh kontraktor.

3. Kontraktor-kontraktor yang berminat memasuki sebutharga adalah dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan daripada CIDB, Sijil Taraf Bumiputera daripada PKK, Sijil Pendaftaran SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) yang ASAL serta Sijil Johor Central For Construction Development (JCCD) yang masih sah dan Kad Pengenalan Pemilik. Hanya pemilik sah yang didaftarkan di dalam SSM sahaja** dibenarkan untuk berurusan dan membeli dokumen tawaran sebutharga. Pemilik sah **TIDAK DIBENARKAN** menghantar wakil samada menggunakan surat wakil atau surat kuasa untuk urusan ini.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** serta dinyatakan tajuk sebutharga yang berkenaan di atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **Pejabat Majlis Daerah Labis, 85300 Labis**, sebelum atau pada **15 SEPTEMBER 2024 (AHAD)** sebelum jam 12.00 tengahari.

(SHAMSUL ARIFF BIN SULAIMAN)
YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH LABIS

2. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga.....serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, terbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

+ Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA*

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi.....minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA+

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM30.00** (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

+ Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

3. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA**1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksana Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kerosakan semasa pelaksanaan kerja ini tidak akan dipertimbangkan dan kontraktor perlu menanggung sendiri.

*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh :

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya bucar-bucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :

- (a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan kerja. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja

disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

4. BORANG TAWARAN SEBUT HARGA



MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS, JOHOR DARUL TA'ZIM.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

.....
.....
(MDL/11/2024/BP.1/S)

Saya, nombor K.P.
yang mewakili nombor pendaftaran
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya

atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Daerah Labis atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

20. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Daerah Labis atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 11.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 11.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

21. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.



MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS,
JOHOR DARUL TA'ZIM.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil :

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH LABIS,
85300 LABIS.

Tuan,

Sebut harga untuk
.....
.....
.....

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga. Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia : (RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masaminggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden. Sekiranya kelewatan berkenaan disebabkan oleh kecuaiian saya, maka saya bersetuju dikenakan denda mengikut formula **PERATUSAN LAD : PR SETAHUN / 365 hari x Nilai Projek** bagi satu hari kelewatan.

Bertarikh padaharibulan.....2024

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. K/P :

No. K/P :

Alamat :

Alamat :

.....

.....

.....

.....

Atas Sifat :

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

5. RINGKASAN TAWARAN SEBUT HARGA

TAWARAN :

TAWARAN BAGI MENAIKTARAF TANDAS AWAM DI PUSAT REKREASI KOLAM AIR PANAS, MD LABIS

NOTA : Pemborong adalah diingatkan bahawa ringkasan tawaran ini adalah sebahagian daripada kontrak. Ringkasan tawaran ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan anggaran harga, pelan, spesifikasi am, spesifikasi tambahan dan panduan kepada harga tawaran. Kerja-kerja yang diperlukan tetapi tidak disenaraikan berasingan di dalam ringkasan tawaran, harga bagi kerja tersebut di anggap telah termasuk di dalam harga tawaran.

Nama Dan Alamat Pemborong

Dikeluarkan Oleh

BIL	BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT AM				
1.1	Insuran Perlindungan untuk kemalangan dan hartabenda, Akta Keselamatan Sosial, Insuran Kerja (Works)	Pukal	-	Pukal	
1.2	Papan Tanda Sementara dan Keselamatan Lalulintas	Pukal	-	Pukal	
1.3	Foto Kemajuan Kerja, (Sebelum, Semasa dan Selepas) di lokasi yang sama dalam bentuk 'softcopy' dan 'hardcopy'	No	2		
1.5	Kerja-kerja menyediakan segala keperluan untuk kerja-kerja pembersihan tapak bina dengan membuang dan membersihkan tapak bina dari sisa binaan / tumbuhan / pokok, termasuk membasuh / mencuci kawasan tapak bina berpandukan sebagaimana arahan P.Penguasa.	Pukal	-	Pukal	
JUMLAH (ITEM 1)					

BIL	BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
2	KERJA BANGUNAN				
2.1	Kerja membekal dan memasang 8mm tebal jubin lantai dari jenis homogenous termasuk memecah jubin lantai sediaada serta meratakan turapan simen dan pasir (1:3) atau skrid dilepa licin untuk menerima jubin lantai termasuk kerja - kerja pemasangan lapisan kalis air setebal 3mm seperti diarahkan oleh pegawai penyelia kerja.*Rekabentuk dan bahan mestilah mendapat pengesahan P.Penguasa	M2	92		
2.2	Kerja membekal dan memasang 7mm tebal jubin dinding gilap dari kelas yang terbaik termasuk memecah dan membersihkan jubin dinding serta meratakan skrid untuk menerima jubin dinding yang baru. *Rekabentuk dan bahan mestilah mendapat pengesahan P.Penguasa	M2	322		
2.3	Kerja membuka dengan cermat dan berhati-hati dan memasang semula pintu sedia ada di tempat yang sama .	Nos	12		
2.4	Bekal dan pasang pintu aluminium bersaiz 990mm x 2100mm lengkap dengan semua assesori tambahan dan dipasang dengan penutup pintu 'door closer'.	Nos	2		
2.5	Kerja membuka dan memasang 38mm pintu panel kayu keras berketam bersaiz 0.9m x 1.8m dikemaskan dengan dua lapisan kemas cat minyak megikut spesifikasi pengeluar dan dipasang pada bingkai besi.	Nos	4		
2.6	Kerja memecahkan dinding batu sediaada.	M3	3		
2.7	Kerja membekal dan memasang penutup parit dari jenis besi 100cm x 23cm.	NOS	4		
2.8	Kerja memecah dan konkrit semula lantai tandas untuk mendapatkan aras yang rata dengan anggaran 50mm tebal slab konkrit diperkukuh dengan satu lapisan jejaring keluli A6 setiap satu meter persegi dan dikemaskan dengan sempurna.	M2	16		
2.9	Kerja membekal dan memasang signage tunjuk arah dan signage pemberitahuan jenis arcylic pvc dengan saiz yang bersesuaian seperti senarai berikut:- - Tandas Lelaki, Perempuan, OKU, tempat mandian, ruang penukaran lampin bayi	NOS	16		
2.10	Membekal dan memasang 300mm x 1200mm signboard Logo Tandas jenis arcylic plate pada bahagian hadapan dinding beserta kelengkapan aksesori	NOS	2		
2.11	Kerja membekal dan memasang penyangkut/hook yang diskrukan pada dinding dengan kelengkapannya dikedudukan yang ditetapkan.	NOS	12		
JUMLAH (ITEM 2)					

BIL	BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
3	KERJA BUMBUNG & SILING				
3.1	Kerja membuka dan membuang keluar bumbung dek logam dan kerangka bumbung sediada termasuk semua peralatan tambahan (Harga termasuk membuang mana-mana kekuda, Batten yang rosak termasuk 'gutter' dan saluran air hujan, skru, sesendal fel bitumen serta kerja lain yang berkaitan).	M2	80		
3.2	Kerja membekal dan memasang kerangka bumbung dan bumbung dek logam (flat roof) dari jenis G28 dengan salut Aluminium terbina untuk bumbung atau dinding termasuk semua peralatan tambahan dan hendaklah mematuhi sepenuhnya arahan pengilang (diukur mengikut luas yang ditutup sahaja) serta kerja lain yang berkaitan.	M2	80		
3.3	Kerja membekal dan memasang keseluruhan gutter saiz 1' / setaraf dan saluran hujan yang baru pada bumbung sehingga sempurna termasuk kelengkapan dan aksesori berkaitan.	M	32		
3.4	Kerja menyediakan dan memasang awning dengan 25mm tebal bingkai atau rangka besi (framing)	M2	40		
3.5	Kerja membuka, membekal dan memasang 12mm tebal kepingan siling akustik gentian mineral dipasang pada termasuk 'tee' terdedah aluminium beranod semulajadi dalam grid 600mm x 1200mm, digantung dengan dan termasuk dawai penyangkut besi bergalvani tolok 14, digantung pada gulung-gulung bumbung atau dengan 'eyelet pins' dari sofit lantai konkrit.	M ²	92		
4	KERJA MENGECAT BANGUNAN				
4.1	Kerja mengecat semula dinding luar bangunan dengan menyemburkan air dengan waterjet bagi menanggalkan cat lama, menyapu satu lapisan cat sealer/undercoat dan dua lapisan cat rintangan cuaca serta kerja-kerja berkaitan.	M2	220		
JUMLAH (ITEM 3 + ITEM 4)					

BIL	BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
5	KERJA-KERJA ELEKTRIKAL				
5.1	Membekal dan memasang semua bahan mengikut spesifikasi standard JKR bagi lampu LED 20 watt jenis downlight Id peralatan kawalan dan ballast elektronik (jenis built-in atau jenis di luar) termasuk kerja pendawaian.	Nos	32		
5.2	Kerja membekal dan memasang pengering tangan jenis Automatic Powerful Energy-Efficient Wall Hand Dryer beserta sambungan ke bekalan elektrik.	NOS	4		
5.3	Kerja memecah dinding, membekal dan memasang "exhaust fan" 300mm diameter termasuk kerja pendawaian	NOS	4		
5.4	Kerja membekal dan memasang Kipas Dinding 16" 'SIRIM'beserta sambungan ke bekalan elektrik	NOS	4		
5.5	Kerja membekal dan memasang 100 watt outdoor spotlight jenis LED termasuk kerja pendawaian.	NOS	12		
5.6	Kerja pendawaian elektrik pada permukaan atau terbenam didalam konduit / trunking keluli bergalvani l/d aksesori yang berkaitan.				
	i) Mata lampu dengan suis menggunakan kabel PVK 2 x 1.5mm persegi l/d kabel perlindungan.	NOS	32		
	ii) Mata soket alur keluar kuasa l/d suis soket alur keluar 13A berkembar jenis tanam menggunakan kabel PVK 2 x 2.5mm persegi l/d kabel perlindungan.	NOS	4		
	iii) Mata exhaust fan dengan suis l/d siling ros (tidak termasuk menyediakan bukaan) menggunakan kabel 2 x 1.5mm persegi l/d kabel perlindungan	NOS	4		
	iv) Mata kipas dinding dengan suis menggunakan kabel 2 x 1.5mm persegi l/d kabel perlindungan	NOS	4		
5.7	Membekal dan memasang suis-suis-terlitup logam kutub tunggal 10A, 2 gang 1 hala.	NOS	16		
5.8	Membekal dan memasang peti agihan terlitup logam, tiga kutub dan neutral lengkap dengan peralatan.	NOS	2		
5.9	Kerja-kerja membekal dan memasang stainless steel booster pump 1 phase/1 Hp/240v/50Hz untuk ke tangki air tandas sediaada. Kerja-kerja termasuk kerja perpaipan dan pendawaian elektrik.	NOS	2		
5.10	Menyediakan 'Shop Drawing' yang lengkap diperakui oleh orang kompetan mengikut Bhg. VI (perakuan 65) Akta Bekalan Elektrik 1990 dalam bentuk 'soft and hardcopy' sebelum kerja-kerja dimulakan.	NOS	2		
JUMLAH (ITEM 5)					

BIL	BUTIRAN TAWARAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
6	KERJA SANITARI, SISTEM PERPAIPAN DAN KELENGKAPAN TANDAS				
6.1	Kerja mengganti sistem perpaipan sediaada dengan laluan paip yang kemas di dalam dinding dengan saiz 20mm bagi paip agihan menggunakan paip dari jenis polietilena termasuk aksesori sesiku, T, penyambung dan mengadakan satu (1) stopcork pada setiap aksesori tandas.	M	24		
6.2	Kerja membekal dan memasang Stainless Steel Two Way Tap Bathroom Faucet With Bidet	NOS	4		
6.3	Kerja membekal dan memasang 8 inci kepala pancuran mandian (rain shower) dari logam bersadur kromium.	NOS	12		
6.4	Kerja membekal dan memasang 12mm diameter kepala paip injap tengkok angsa bersadur kromium mengikut BS 1010.	NOS	8		
6.5	Kerja membekal dan memasang wall hung basin basuh tangan mesra OKU dari tanah liat bergilap putih dengan kelengkapannya.	NOS	2		
6.6	Kerja membekal dan memasang counter top basin basuh tangan dari tanah liat bergilap putih dengan kelengkapannya.	NOS	6		
6.7	Kerja membekal dan memasang Baby Changing Station Wall Mounted dari jenis HDPE lengkap dengan penyangkut beg dan ruang tisu.	NOS	2		
6.8	Kerja membuka, membekal dan memasang 500mm x 700mm cermin muka dari bingkai aluminium di pasang pada dinding beserta aksesori pemasangan berkaitan.	NOS	8		
6.9	Kerja membekal dan memasang Foam Soap 400ml wall mounted Dispenser	NOS	4		
6.10	Kerja membekal dan memasang tong sampah berpenutup 'Step Dustbin'	NOS	4		
6.11	Kerja membekal dan memasang 'Wall Mounted Toilet Paper Holder' Jenis Kalis Air Full Covered	NOS	4		
6.12	Kerja membekal dan memasang Stainless Steel Flip Up Grab Bar 700mm panjang.	NOS	2		
6.13	Kerja membekal dan memasang Stainless Steel Grab Bar 700mm panjang.	NOS	2		
6.14	Membekal dan memasang tandas duduk lengkap dengan lapik duduk, perangkap, tangki pembersihan rendah, 9 liter tangki air (cistern) serta pendakap dan paip curahan termasuk membuat lubang di lantai konkrit, melitup perangkap dengan konkrit dan membaiki semula kerja-kerja yang rosak.	NOS	4		
6.15	Membekal dan memasang perangkap lantai (floor trap) dari jenis stainless steel 0.15m x 0.15m dengan kemas tile lantai	NOS	8		
6.16	Membina lurang (manhole) bersaiz 675mm x 900mm dengan dinding bata merah 115mm berlepa luar dan dalam dengan kedalaman 1 meter dari paras tanah termasuk membentuk aliran berbentuk 'U' dibahagian dalam serta pemasangan penutup lurang menggunakan konkrit dan dipasangkan dengan besi (hinges)	NOS	2		
6.17	Menyambungkan saluran kumbahan najis dari tandas ke lurang 'manhole' dan dari manhole ke tangki septik 150mm paip UPVC kelas C.	M	25		
6.18	Menyambungkan saluran air buangan dari tandas ke lurang 'manhole' menggunakan 100mm paip UPVC kelas C.	M	12		
JUMLAH (ITEM 6)					

MAJLIS DAERAH LABIS
85300 LABIS
JOHOR DARUL TA'ZIM

RINGKASAN SEBUTHARGA

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	JUMLAH KECIL (ITEM 1)	
2	JUMLAH KECIL (ITEM 2)	
3	JUMLAH KECIL (ITEM 3 + ITEM 4)	
4	JUMLAH KECIL (ITEM 5)	
5	JUMLAH KECIL (ITEM 6)	
JUMLAH KESELURUHAN		

(RINGGIT MALAYSIA :
.....)

TEMPOH PENYIAPAN : MINGGU

.....
TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR

NAMA :

NO. K/P :

ALAMAT :

.....

.....

NO. TELEFON :

TARIKH :

.....
TANDATANGAN SAKSI

NAMA :

NO. K/P :

ALAMAT :

.....

.....

NO. TEELFON :

TARIKH :

**6. SENARAI KERJA YANG SEDANG
DILAKSANAKAN**

SENARAI KERJA-KERJA YANG SEDANG DILAKSANAKAN

NAMA PROJEK	AGENSI YANG MENGAWASI	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH (NYATAKAN TARIKH MULA, TARIKH JANGKA SIAP & BILANGAN MINGGU)	PERATUS KEMAJUAN SEMASA (NYATAKAN JUGA TARIKH)	PERATUS KEMAJUAN SEPATUTNYA	ULASAN S.O.

*Sila catatkan juga nama pegawai yang mengawasi projek dan nombor telefon untuk dihubungi

7. SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

SENARAI SEPULUH (10) KERJA-KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

NAMA PROJEK	AGENSI YANG MENGAWASI PROJEK	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK			TARIKH SEBENAR SIAP
			TARIKH MULA	TARIKH SIAP	BIL MINGGU	

*Sila catatkan juga nama pegawai yang mengawasi projek dan nombor telefon untuk dihubungi